

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
NO. SOALAN : 11

**MINTA MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI MENYATAKAN:**

**KESAN EKSPORT DAN IMPORT NEGARA AKIBAT
KEJATUHAN RINGGIT YANG MELANDA DAN APAKAH
STRATEGI YANG TELAH DIAMBIL BAGI MENGAWAL
PASARAN TERSEBUT.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Secara umumnya, kejatuhan nilai Ringgit tidak memberi kesan yang signifikan terhadap prestasi keseluruhan eksport Malaysia. Prestasi eksport Negara untuk bulan Ogos 2015 telah meningkat sebanyak 4.1% iaitu peningkatan sebanyak RM2.64 bilion kepada RM66.53 bilion berbanding Ogos 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesan daripada kejatuhan Ringgit adalah berbeza mengikut industri. Bagi industri pembuatan yang bergantung kepada bahan-bahan atau komponen yang diimport, syarikat akan mengalami peningkatan dalam kos pengeluaran (contohnya jentera, automotif, penyediaan makanan produk tenusu).

Kejatuhan nilai Ringgit turut memberi kesan minimum bagi sektor elektrik dan elektronik kerana urusan eksport dan import biasanya dilakukan dalam USD.

Bagi industri berasaskan sumber (contohnya industri perabot, produk berasaskan kayu, industri minyak sawit, industri sarung tangan getah), penurunan nilai Ringgit telah meningkatkan pendapatan syarikat kerana kebanyakan bahan-bahan atau komponen adalah dari sumber tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengawal pasaran akibat kejatuhan nilai Ringgit beberapa langkah telah diambil dengan menasihatkan syarikat untuk mengurangkan penggunaan bahan-bahan atau komponen asing dalam produk mereka. Syarikat turut dinasihatkan untuk meningkatkan penggunaan bahan tempatan serta meningkatkan produktiviti.

Syarikat juga digalakkan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang inovatif dengan nilai tambah yang tinggi. Syarikat juga disaran untuk menggunakan teknologi terkini dan meningkatkan pengetahuan serta penjenamaan untuk mendapatkan margin keuntungan yang lebih baik bagi mengekalkan daya saing.